

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

HGM 233 Geografi Bandar dan Metropolitan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. DUA [2] soalan dari setiap bahagian

BAHAGIAN A

1. Setiap dekad berlalu Asia merupakan kawasan di mana terdapatnya 'bandaraya mega' dengan pelbagai bentuk masalah.

Bincangkan pernyataan di atas dalam konteks urbanisasi dan kesannya ke atas sistem petempatan di rantau Asia antara tahun 1980 hingga tahun 2000.

[25 markah]

2. (i) Jelaskan maksud bandaraya global.

[5 markah]

- (ii) Dengan merujuk kepada bandaraya tertentu, huraikan proses-proses yang berperanan yang telah menjadikan bandaraya ini bertaraf global.

[20 markah]

...2/

3. (i) Dengan merujuk kepada sebuah bandaraya di Asia, jelaskan kesan krisis mata wang semasa kepada sektor hartanah bandar berkenaan.

[15 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, mengapa dalam konteks krisis mata wang semasa sektor hartanah menjadi sasaran dasar kerajaan untuk menangani masalah yang sedang dialami.

[10 markah]

4. SAMADA

- [a] Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, huraikan bagaimana proses perancangan strategik boleh diaplikasi untuk merealisasikan visi bandar.

[25 markah]

ATAU

- (b) Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, huraikan kelemahan pendekatan perancangan Pelan Induk sebagai asas perancangan ketika bandar mengalami proses globalisasi yang hebat.

[25 markah]

BAHAGIAN B

5. Masalah kesesakan lalu-lintas dalam bandar amat sukar untuk diatasi. Usaha seharusnya ditumpukan kepada meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam di bandar.

Dengan merujuk kepada sebuah bandaraya di rantau Asia-Pasifik, bincangkan pernyataan di atas dalam konteks urbanisasi dan kesannya ke atas pola ulang-alik penduduk bandar.

[25 markah]

.../3

6. Dengan merujuk kepada sebuah bandaraya di rantau Asia-Pasifik, huraikan peranan teknologi, kerajaan tempatan dan penduduk setempat dalam memupuk ke arah wujudnya bandaraya lestari.

[25 markah]

7. Penduduk bandar terjebak di dalam kancah kemiskinan bandar, tidak berkemampuan untuk menampung kos perumahan dan pengangkutan yang semakin meningkat seterusnya mengheret mereka bergantung kepada pekerjaan tidak-formal atau menagih ehsan bantuan kebajikan kerajaan.

Dengan merujuk kepada bandaraya-bandaraya tertentu, bincangkan pernyataan ini dalam konteks kemiskinan, ketegangan dan kesejahteraan hidup penduduk bandaraya yang pesat berkembang.

[25 markah]

8. Dengan merujuk kepada bandaraya di negara anda, bincangkan perubahan utama yang akan dihasilkan oleh proses urbanisasi menjelang tahun 2020.

[25 markah]

